

KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM

Al-'ariya merujuk kepada pinjaman melibatkan barangan atau benda yang tidak musnah apabila digunakan boleh dikembalikan dalam keadaan asal. Sekiranya barang tersebut barang yang mudah musnah atau susut nilai maka **akad pinjaman tidak sah**.

Al-qard pula merujuk kepada pinjaman yang melibatkan peminjam dikehendaki memulangkan kembali **nilai yang sama** dan bukan memulangkan wang kertas yang asal

DEFINISI AL-QARD

Dari segi **bahasa** bermaksud *al-qat'u* (potong).

Manakala, dari segi **istilah** merujuk kepada penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang **sama nilai dengannya** akan digantikan kembali **tanpa sebarang penambahan**.

Sebarang tambahan terhadap barang atau wang yang diberi pinjam adalah dianggap sebagai *riba atau lebihan*

Al-qard dikategorikan sebagai **akad tabarru'**: kerana faedah atau manfaat daripada transaksi yang berlaku hanya diperoleh oleh satu pihak (penghutang).

LARANGAN RIBA

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَاتَّقِ اللَّهَ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Terjemahan:

"Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang diusuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Riba ini sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan jual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman) itu adalah menjadi haknya, dan perkaranya terseorahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba), maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya."

PRINSIP AL-QARD AL-HASAN

Islam membenarkan prinsip *al-qard al-hasan* yang bermaksud **pinjaman yang baik**.

Peminjam hanya perlu membayar jumlah wang yang dipinjam sahaja **tanpa dikenakan faedah**.

Hukum pelaksanaan qard hasan adalah **sunat**.

Hal ini kerana hukum memberi hutang kepada seseorang adalah **sunat** manakala **harus** bagi seseorang untuk berhutang bagi tujuan membebaskan dirinya daripada kesempitan hidup

RUKUN AL-QARD

- Pemiutang** (orang yang memberi pinjaman)
- Penghutang/peminjam**
- Barang yang dipinjam**
- Sighah** (Lafaz ijab dan qabul)

AL-QARD AL-HASAN PENJAJAN SOSIO EKONOMI

ii) **Skim pembiayaan secara mikro kredit** - menjadi pemangkin untuk memajukan sektor ekonomi industri kecil & sederhana

iii) **Skim pajak gadai Islam atau al-qard al-hanu**

Transaksi pemberian kemudahan pinjaman wang kepada pemegang gadaian sebagai cagaran terhadap pinjaman yang dibuat

iii) **Skim pinjaman kewangan & pembiayaan untuk menunaikan haji atau umrah**

- Seseorang dibenarkan berhutang bagi tujuan menunaikan rukun islam yang kelima sekiranya dia yakin mampu membayar balik pinjaman tersebut

PRINSIP-PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

- Setiap hutang yang dibuat hendaklah ditulis**
- Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman yang diberikan**
- Kepentingan menyelesaikan semua hutang disyaratkan dalam perwarisan**
- Hak individu tertentu yang wajib dipulangkan dalam tempoh tertentu**

BANTUAN KEPADA ASNAF AL-GHARIMIN

Institusi zakat memainkan peranan penting untuk: **-meringankan beban** yang dihadapi oleh golongan yang dibelenggu hutang atau asnaf al-gharimin **- mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ekonomi masyarakat** iaitu golongan yang berkemampuan mengeluarkan zakat bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik.

GEJALA CETI HARAM

Gejala ceti haram:
-Perniagaan pemberian pinjaman wang tanpa lesen yang sah atau telah tamat atau lesen digantung
-melakukan pinjaman dengan khidmat ah long



By mahsyulismahrup30

Published 17th June, 2020.

Last updated 17th June, 2020.

Page 1 of 1.

Sponsored by [CrosswordCheats.com](https://crosswordcheats.com)

Learn to solve cryptic crosswords!

<http://crosswordcheats.com>